



**GARIS PANDUAN**  
**PERNIAGAAN SECARA ATAS**  
**TALIAN (*ONLINE*) DI PREMIS**  
**KEDIAMAN**  
*“Business From Home”*

**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 BUKIT MERTAJAM

## KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	3
2.	Latar Belakang	3
3.	Definisi Perniagaan Secara Atas Talian ( <i>Online</i> )	4
4.	Undang-Undang dan Peraturan / Garis Panduan Yang Digunapakai	4
5.	Prinsip Pengeluaran Permit Perniagaan Secara Atas Talian di Premis Kediaman	4
6.	Jenis Premis Kediaman Yang Dibenarkan	5
7.	Masa Operasi Perniagaan Yang Dibenarkan	5
8.	Aktiviti Perniagaan Yang Tidak Dibenarkan Memohon Permit Perniagaan Atas Talian	6
9.	Tempoh Permit	6
10.	Kadar Bayaran Permit	7
11.	Tatacara Permohonan Permit Perniagaan Secara Atas Talian ( <i>Online</i> )	7
12.	Tatacara Permohonan Pindaan Butiran Permit Perniagaan Secara Atas Talian ( <i>Online</i> )	8
13.	Spesifikasi Papan Iklan Perniagaan	9
14.	Syarat-syarat Permohonan Permit Perniagaan Secara Atas Talian ( <i>Online</i> )	10
15.	Syarat-syarat Permit Perniagaan Secara Atas Talian ( <i>Online</i> )	10

## **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini diwujudkan bagi membantu pemilik perniagaan secara atas talian (*online*) di premis kediaman di kawasan Seberang Perai berhubung tatacara permohonan permit perniagaan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk memastikan aktiviti perniagaan dijalankan mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan serta tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu kepada penduduk berhampiran.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Aktiviti perniagaan kini telah mengalami revolusi pantas tanpa sempadan yang tidak lagi had kepada penawaran sesuatu produk / perkhidmatan untuk sesebuah lokaliti sahaja melalui penggunaan premis perniagaan. Kaedah pemasaran produk / perkhidmatan telah diperluaskan melalui pelbagai platform perniagaan atas talian (*online*) yang diwujudkan. Ianya juga membuka lebih banyak peluang sumber pendapatan dan telah menjadi kegemaran masyarakat kini dalam menjalankan urusan jual beli berbanding aktiviti perniagaan konvensional.

Selari dengan perkembangan teknologi masa kini, kita dapati banyak individu telah mula menjadikan aktiviti perniagaan *online* sebagai idea dan sumber pendapatan utama. Sungguhpun begitu, kategori perniagaan ini masih tidak mendapat layanan sama seperti mana perniagaan konvensional dalam aspek pengeluaran lesen / permit perniagaan. Ianya disebabkan oleh kesukaran dalam mengawal aktiviti perniagaan *online* di memandangkan perniagaan jenis ini dijalankan di premis kediaman serta dalam aspek penguatkuasaan menyebabkan perniagaan *online* tidak diberikan penumpuan oleh kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan.

Dalam mengatasi isu tersebut, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil tindakan proaktif untuk membangunkan garis panduan ini bagi menyediakan satu landasan baru kepada satu lagi bentuk perniagaan baru pada masa kini. Garis panduan ini akan menekankan kepada aspek tatacara permohonan permit, lokasi perniagaan yang dibenarkan, jenis dan bentuk aktiviti perniagaan *online* yang dibenarkan, syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemegang permit dan perkara-perkara lain berkaitan permit untuk rujukan dan perhatian umum.

### **3.0 DEFINISI PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menafsirkan perniagaan secara atas talian (*online*) adalah :

*“ apa-apa perniagaan yang dijalankan secara atas talian yang menggunakan internet sebagai medium perantaraan antara penjual dengan pembeli bagi tujuan mengiklankan, mempromosi, dan menjalankan penjualan produk/perkhidmatan penjual kepada pembeli.*

### **4.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN / GARIS PANDUAN YANG DIGUNAPAKAI**

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang dan peraturan / garis panduan berikut :

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976
- ii. Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980
- iii. Undang-Undang Kecil (Iklan), Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001

### **5.0 PRINSIP PENGELUARAN PERMIT PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN DI PREMIS KEDIAMAN**

#### **5.1 Perniagaan Dijalankan Secara Kecil-Kecilan**

Aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah berskala kecil dan tidak menyimpan stok berlebihan sehingga perlu disimpan di luar bangunan rumah kediaman.

#### **5.2 Perniagaan Didaftarkan Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

Perniagaan hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai satu entiti perniagaan atas talian (*online*). Perkataan “secara atas talian” atau “*online*” hendaklah terpapar pada sijil pendaftaran syarikat yang dikeluarkan oleh pihak SSM.

**5.3 Tiada Aktiviti Sampingan Kepada Jualan Produk/Sampingan di Premis Kediaman**

Premis kediaman bagi menjalankan aktiviti perniagaan *online* hendaklah bebas daripada sebarang aktiviti sampingan kepada jualan produk / perkhidmatan yang dijalankan secara *online* seperti makan di premis (*dine in*), membaiki kenderaan, memasak secara terbuka di luar bangunan premis dan perkara-perkara lain. Perniagaan perlulah hanya melalui platform internet sahaja.

**5.4 Perniagaan Tidak Menyebabkan Kacau Ganggu**

Aktiviti perniagaan *online* hendaklah tidak menyebabkan sebarang kacau ganggu kepada penduduk atau jiran berhampiran dari aspek lalu lintas, kebersendirian (*privacy*) jiran dan aspek-aspek lain.

**5.5 Premis Kediaman Masih Kelihatan Sebagai Rumah Kediaman & Tiada Binaan Tambahan Tanpa Kebenaran**

Premis kediaman yang digunakan tidak dibenarkan kelihatan seperti sebuah premis perniagaan dan menggunakan sebahagian besar premis kediaman bagi menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun, pemilik perniagaan dibenarkan memasang papan iklan dengan saiz maksima dan mengikut spesifikasi di perkara 13.0 (*sila rujuk muka surat 9*).

**6.0 JENIS PREMIS KEDIAMAN YANG DIBENARKAN**

Aktiviti perniagaan *online* dibenarkan beroperasi di semua jenis kediaman. Walau bagaimanapun, MBSP berhak untuk tidak mengeluarkan permit perniagaan *online* sekiranya premis yang digunakan sebagai operasi perniagaan dilihat tidak bersesuaian dan boleh menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk berhampiran.

**7.0 MASA OPERASI PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN**

7.1 Masa operasi perniagaan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada jenis jualan produk / perkhidmatan yang dijalankan seperti berikut :

**GARIS PANDUAN PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*) DI PREMIS KEDIAMAN**  
*"Business From Home"*

<b>BIL.</b>	<b>JENIS JUALAN</b>	<b>MASA OPERASI</b>
1.	Produk makanan tidak melibatkan aktiviti masakan di premis kediaman dan penggunaan perkhidmatan syarikat penghantaran kepada pelanggan	Tiada had masa
2.	Produk makanan tidak melibatkan aktiviti masakan di premis kediaman tetapi melibatkan penggunaan perkhidmatan syarikat penghantaran kepada pelanggan	5.00 pagi hingga 9.00 malam
3.	Produk makanan melibatkan aktiviti masakan di premis kediaman dan penggunaan perkhidmatan syarikat penghantaran kepada pelanggan	5.00 pagi hingga 9.00 malam
4.	Produk bukan makanan dan tiada penggunaan perkhidmatan syarikat penghantaran kepada pelanggan	Tiada had masa
5.	Produk bukan makanan dan mempunyai penggunaan perkhidmatan syarikat penghantaran kepada pelanggan	5.00 pagi hingga 9.00 malam
6.	Perkhidmatan tidak melibatkan pelanggan hadir ke premis kediaman	Tiada had masa

7.2 Pemegang permit juga adalah tertakluk kepada masa operasi yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau MBSP dari semasa ke semasa.

## **8.0 AKTIVITI PERNIAGAAN YANG TIDAK DIBENARKAN MEMOHON PERMIT PERNIAGAAN ATAS TALIAN**

8.1 Permit perniagaan *online* adalah tidak dibenarkan kepada aktiviti perniagaan seperti berikut :

- i. Aktiviti butik yang menjadikan rumah sebagai pusat butik yang membolehkan pelanggan hadir di premis tersebut.
- ii. Aktiviti membaiki kenderaan / bengkel kenderaan.
- iii. Aktiviti penyimpanan stok secara berlebihan yang menukarkan premis kediaman sebagai stor atau gudang.
- iv. Aktiviti jualan produk dan perkhidmatan secara langsung kepada pelanggan seperti membuka meja jualan, meletakkan meja dan kerusi bagi makan di premis dan aktiviti-aktiviti lain berkaitan.
- v. Apa-apa industri perniagaan dari jenis perindustrian.
- vi. Apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.

## **9.0 TEMPOH PERMIT**

- 16.1 Permit yang dikeluarkan adalah untuk sah laku selama enam (6) bulan yang akan tamat pada 30 Jun dan 31 Disember setiap tahun.
- 16.2 Walau bagaimanapun, MBSP berhak untuk memberikan permit melebihi tempoh sah laku enam (6) bulan sekiranya permohonan diterima pada tarikh berdekatan tarikh tempoh sah laku tamat ( 2 bulan sebelum tempoh sah laku permit tamat). Contoh situasi adalah seperti berikut :
  - a. Tarikh permohonan : 15 April 2020
  - b. Tarikh tamat permit sepatutnya: 30 Jun 2020
  - c. Tempoh sah laku permit diluluskan : 15 April 2020 hingga 31 Disember 2020

## **10.0 KADAR BAYARAN PERMIT**

- 10.1 Kadar bayaran permit yang akan dikenakan adalah sebanyak RM 10.00 sebulan atau RM 60.00 untuk tempoh enam (6) bulan.
- 10.2 Kadar bayaran permit ini akan dikira secara pro rata berdasarkan baki hari sehingga tempoh 30 Jun atau 31 Disember bagi permohonan yang diterima pada pertengahan tempoh enam (6) bulan.

## **11.0 TATACARA PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*)**

- 11.1 Dapatkan Borang Permohonan Permit Perniagaan Secara Atas Talian (*Online*) melalui laman sesawang MBSP atau di Kaunter Berpusat MBSP atau Kaunter Cawangan MBSP.
- 11.2 Lengkapkan borang dan dokumen yang diperlukan dan kemukakan permohonan di Tingkat 1, Jabatan Pelesenan, Menara Bandaraya, Bandar Perda. Dokumen tambahan yang diperlukan adalah seperti berikut:

**GARIS PANDUAN PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*) DI PREMIS KEDIAMAN**  
*“Business From Home”*

<b>BIL.</b>	<b>JENIS DOKUMEN</b>	<b>BILANGAN</b>
1.	Salinan kad pengenalan pemohon.	1 salinan
2.	Salinan pendaftaran syarikat (SSM) – mempunyai perkataan “secara atas talian” atau “ <i>online</i> ” pada jenis perniagaan.	1 salinan
3.	Salinan geran premis kediaman atau Surat kebenaran menggunakan premis kediaman daripada pemilik premis / surat perjanjian sewaan premis kediaman yang telah disetemkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).	1 salinan
4.	Gambar berwarna dari pandangan hadapan, tepi, belakang dan dalam premis kediaman.	1 salinan
5.	Salinan cetakan skrin laman sesawang ( <i>website</i> ) / paparan muka depan laman jualan ( <i>facebook page / instagram /</i> lain-lain platform yang digunakan untuk aktiviti jualan secara atas talian)	1 salinan
6.	Salinan sijil suntikan tifoid yang masih sah – jika melibatkan aktiviti penyediaan makanan (jika perlu)	1 salinan
7.	Salinan sijil menghadiri kursus pengendali makanan - jika melibatkan aktiviti penyediaan makanan (jika perlu)	1 salinan
8.	Salinan Lesen A (Pharmacist’s Poisons License) - lesen jualan produk kesihatan / ubat-ubatan moden dan tradisional daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). – jika perlu	1 salinan

11.3 Sila ambil maklum bahawa hanya permohonan lengkap sahaja akan diterima dan diproses untuk pengeluaran permit.

## **12.0 TATACARA PERMOHONAN PINDAAN BUTIRAN PERMIT PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*)**

12.1 Permohonan pindaan butiran permit hanya dibenarkan bagi pindaan berikut :

- i. Pindaan nama syarikat – satu permit satu syarikat sahaja dibenarkan. Jika satu premis kediaman mempunyai dua (2) syarikat, satu permit tambahan perlu dipohon.
- ii. Pindaan / tambahan nama pemilik atau pemegang permit
- iii. Pindaan / tambahan butiran perniagaan

12.2 Permohonan pindaan alamat premis kediaman adalah tidak dibenarkan dan pemohon perlu memaklumkan kepada MBSP untuk pembatalan permit sedia ada dan perlu membuat permohonan permit baru.



- 12.3 Setiap permohonan pindaan hendaklah disertakan bersama **Borang Permohonan Pindaan Butiran Permit Perniagaan Secara Atas Talian** dan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>JENIS DOKUMEN</b>	<b>BILANGAN</b>
1.	Salinan kad pengenalan pemohon.	1 salinan
2.	Salinan pendaftaran syarikat (SSM) – mempunyai perkataan “secara atas talian” atau “ <i>online</i> ” pada jenis perniagaan.	1 salinan
3.	Salinan gerai premis kediaman atau Surat kebenaran menggunakan premis kediaman daripada pemilik premis / surat perjanjian sewaan premis kediaman yang telah disetemkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).	1 salinan
4.	Salinan sijil suntikan tifoid yang masih sah – jika melibatkan aktiviti penyediaan makanan (jika perlu)	1 salinan
5.	Salinan sijil menghadiri kursus pengendali makanan - jika melibatkan aktiviti penyediaan makanan (jika perlu)	1 salinan
6.	Salinan Lesen A (Pharmacist’s Poisons License) - lesen jualan produk kesihatan / ubat-ubatan moden dan tradisional daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).	1 salinan

- 12.4 Sila ambil maklum bahawa hanya permohonan lengkap sahaja akan diterima dan diproses untuk pengeluaran permit.

### **13.0 SPESIFIKASI PAPAN IKLAN PERNIAGAAN**

- 13.1 Mengikut Akta Syarikat 2016 dan Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957, setiap perniagaan hendaklah mempamerkan papan iklan yang terdapat di dalamnya nombor pendaftaran perniagaan.

- 13.2 Spesifikasi papan iklan untuk perniagaan secara atas talian (*online*) adalah seperti berikut :

- a. Saiz maksima yang dibenarkan hendaklah tidak melebihi 0.3 meter persegi.
- b. Papan iklan hendaklah mempunyai kandungan berikut :
  - i. Nama perniagaan yang didaftarkan dengan SSM.
  - ii. Aktiviti perniagaan
  - iii. Nombor pendaftaran perniagaan yang dikeluarkan oleh SSM.

- iv. Nombor permit perniagaan yang dikeluarkan oleh MBSP.
- c. Papan iklan hendaklah dipamerkan / dilekatkan di dinding bangunan premis kediaman (berdekatan pintu masuk utama premis kediaman).

PAKAIAN	
ABC ENTERPRISE	
SSM: 1234567-A	MBSP: SPU-0001

#### 14.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*)

- 14.1 Pemohon hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas dan warganegara Malaysia.
- 14.2 Syarikat / perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan jenis pendaftaran mempunyai perkataan “secara atas talian” atau “*online*”.
- 14.3 Perniagaan hanya dijalankan secara atas talian / *online* sahaja di premis kediaman.

#### 15.0 SYARAT-SYARAT PERMIT PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*)

- a. Pemegang permit dan ahli keluarga hendaklah menduduki premis kediaman yang dikeluarkan permit sepanjang masa dan premis tersebut perlulah mengekalkan ciri-ciri utama sebagai premis kediaman.
- b. Premis kediaman tidak dibenarkan sama sekali diubahsuai dari segi struktur bangunan sedia ada tanpa kelulusan yang sah daripada MBSP dan hendaklah mengekalkan keaslian premis kediaman berkenaan.
- c. Semua aktiviti jualan produk / perkhidmatan hanya dibenarkan secara atas talian sahaja dan tidak dibenarkan menjalankan aktiviti jualan secara langsung di premis kediaman tersebut. Pelanggan tidak dibenarkan berada di dalam premis kediaman bagi urusan pembelian produk / perkhidmatan.

- d. Pemegang permit / pemilik kediaman dibenarkan memasang papan iklan dengan saiz maksima 2 meter persegi.
- e. Papan iklan hendaklah menepati spesifikasi papan iklan yang ditetapkan dan dipasang / diletakkan di dinding premis kediaman berdekatan pintu masuk utama bangunan.
- f. Pemegang permit hendaklah dari semasa ke semasa memastikan aktiviti perniagaan secara atas talian tidak menimbulkan sebarang masalah kesihatan persekitaran, gangguan trafik, kacau ganggu awam dan sebagainya kepada jiran dan penduduk setempat.
- g. Pemegang permit dilarang menggunakan mesin-mesin berskala industri di premis kediaman yang boleh menyebabkan kacau ganggu bunyi bising, bau dan litar pintas.
- h. Tidak dibenarkan menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan jenis perindustrian.
- i. Mematuhi tempoh masa operasi perniagaan yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Perniagaan Secara Atas Talian (*Online*) Di Premis Kediaman, MBSP. Pemegang permit juga perlu mematuhi tempoh masa operasi perniagaan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau MBSP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan.
- j. Bagi perniagaan yang melibatkan aktiviti masakan / penyediaan makanan, pemegang permit dibenarkan hanya menyediakan, memasak, membungkus dan menghantar makanan terus kepada pelanggan sahaja.
- k. Semua pengendali makanan adalah diwajibkan mendapatkan suntikan tifoid dan menghadiri kursus pengendali makanan dari pengendali kursus yang bertauliah dan disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- l. Aktiviti masakan / penyediaan makanan hanya dibenarkan di dapur sedia ada di dalam bangunan premis kediaman sahaja. Tidak dibenarkan memasak di kawasan tempat letak kenderaan atau mana-mana bahagian luar bangunan premis kediaman.
- m. Sekiranya pemegang permit menggunakan perkhidmatan penghantar makanan persendirian atau syarikat, penghantar makanan tidak dibenarkan berada di hadapan premis kediaman melebihi daripada tiga (3) orang pada satu-satu masa dan menjalankan apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada jiran dan penduduk setempat.

**GARIS PANDUAN PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*) DI PREMIS KEDIAMAN**  
***“Business From Home”***

- n. Permit tidak boleh disewakan / dialibabakan / dipajak kepada mana-mana individu lain atau warga negara asing tanpa kelulusan bertulis daripada MBSP.
- o. Satu permit yang diluluskan hanya untuk satu premis kediaman sahaja.
- p. Permit yang dikeluarkan boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh MBSP sekiranya pemegang permit gagal mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan seperti di atas atau perkara-perkara yang termaktub di dalam Garis Panduan Perniagaan Secara Atas Talian (*Online*) Di Premis Kediaman, MBSP.

**BORANG PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN (ONLINE) DI PREMIS KEDIAMAN**



**JABATAN PELESENAN  
 MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
 BORANG PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN SECARA  
 ATAS TALIAN (ONLINE)  
 - BUSINESS FROM HOME -**

1. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap, terang dan jelas. PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA DITERIMA UNTUK DIPROSES.
2. Potong mana yang tidak berkaitan\*.
3. Tandakan (✓) dalam kotak berkenaan.
4. Sila susun dokumen mengikut turutan dan tuliskan nombor di sebelah kanan atas dokumen tersebut.

LEKATKAN  
 GAMBAR  
 BERWARNA  
 PERMOHONAN  
 DISINI

**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN**

BIL	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	DOKUMEN WAJIB / PILIHAN (DW / P)	DIISI OLEH PEMOHON (✓)	(KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PEGAWAI KAUNTER	
				ADA	TIADA
1.	Satu (1) Salinan Kad Pengenalan	DW			
2.	Salinan pendaftaran syarikat (SSM) – mempunyai perkataan “secara atas talian” atau “online” pada jenis perniagaan.	DW			
3.	Salinan gerai premis kediaman atau surat kebenaran menggunakan premis kediaman daripada pemilik premis / surat perjanjian sewaan premis kediaman yang telah disetemkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).	DW			
4.	Gambar berwarna dari pandangan hadapan, tepi, belakang dan dalam premis kediaman.	DW			
5.	Salinan cetakan skrin laman sesawang (website) / paparan muka depan laman jualan (facebook page / instagram / lain-lain platform yang digunakan untuk aktiviti jualan secara atas talian)	DW			
6.	Salinan sijil suntikan tifoid yang masih sah – jika melibatkan aktiviti penyediaan makanan (jika perlu)	DW / P			
7.	Salinan sijil menghadiri kursus pengendali makanan – jika melibatkan aktiviti penyediaan makanan (jika perlu)	DW / P			
8.	Salinan Lesen A (Pharmacist’s Poisons License) - lesen jualan produk kesihatan / ubat-ubatan moden dan tradisional daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).	DW / P			



Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**Jabatan Pelesenan  
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

Menara Bandaraya  
Jalan Perda Utama  
Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam

Tel: 04-5497 680  
[pelesenan@mbpp.gov.my](mailto:pelesenan@mbpp.gov.my)

Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam

